



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMAN TERKINI ISU PENGGERANG, JOHOR

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menjalankan prosiding pendengaran tuntutan kes buruh yang melibatkan seramai 733 pekerja asing di Pengerang, Johor. Kes ini telah dijalankan bukan dalam mahkamah buruh seperti biasa sebaliknya berlangsung di Dewan Serbaguna Taman Bayu Damai, Pengerang, Johor pada 5 Februari 2024 mengambil kira jumlah pekerja yang ramai. Prosiding ini turut disaksikan oleh pegawai dari Kedutaan Bangladesh.
2. Pada prosiding berkenaan, pihak syarikat telah diarahkan dan bersetuju untuk membuat pembayaran tunggakan gaji sejumlah **RM1,035,557.50** kepada **733 orang pekerja asing warga Bangladesh** yang telah dibawa masuk ke negara ini secara sah tetapi gagal diberikan pekerjaan. Majikan diberi tempoh 45 hari untuk melunaskan pembayaran tunggakan gaji berkenaan.
3. Namun demikian, syarikat didapati masih tidak membuat sebarang pembayaran. Susulan kes ini, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Johor kini dalam proses menguatkuasakan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Buruh dengan tindakan pendakwaan ke atas majikan di Mahkamah Seksyen di bawah Seksyen **S69(4) Akta Kerja 1955** yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sebanyak **RM50,000.00** bagi setiap kesalahan dan perlu membayar tunggakan para pekerja terlibat.
4. Sejumlah 10 Kertas Siasatan telah dibuka ke atas syarikat yang terbabit di mana 4 daripadanya telah mendapat izin dakwa dan selebihnya diberi arahan lanjut. Selain itu, kuota pengambilan pekerja asing bagi syarikat tersebut turut telah dibatalkan dan majikan disenarai hitam dari permohonan penggajian pekerja asing baharu. Manakala, **seramai 692 pekerja asing** yang terbabit telah diberikan pekerjaan melalui Proses Pertukaran Majikan (PTM) Khas.
5. KESUMA tidak akan sesekali berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar perundangan perburuhan bagi memastikan kebijakan pekerja sentiasa terjamin. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana majikan atau organisasi yang didapati melanggar hak-hak pekerja.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
17 MEI 2024**